



## KENYATAAN MEDIA

1 Mac 2016

### **UniMAP ANJUR PERTANDINGAN TARIAN, KEBAYA TRADISIONAL**

Kangar, 1 Mac – Bertemakan Melestarikan Tarian Tradisional Perlis, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM) bersama Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan Pertandingan Tarian Tradisional di Bawah Pemerintahan Diraja Perlis, di sini, hari ini.

Selain pertandingan tarian, turut diadakan bengkel tarian tradisional yang dihadiri lebih 200 murid-murid, pelajar sekolah serta mahasiswa UniMAP sebagai salah satu medium bagi mengekalkan kewujudan salah satu cabang budaya itu.

Pemangku Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata walaupun UniMAP merupakan sebuah universiti kejuruteraan namun tidak menghalang universiti itu menjalankan usaha bagi memelihara budaya warisan nenek moyang.

Katanya, menerusi pertandingan ini kita dapat memupuk rasa cinta dan minat yang berterusan kepada generasi muda kini terhadap warisan budaya seterusnya menjadi khazanah yang tidak akan lupsu dek zaman.

“Malah, menerusi pertandingan ini sedikit sebanyak berupaya mendidik generasi muda daripada mudah terpengaruh dengan budaya Barat seperti tarian *ravers* yang kini menjadi isu hangat masyarakat kita hari ini, “ katanya ketika berucap merasmikan pertandingan tarian tradisional itu di Dewan Capitol UniMAP, di sini.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Melayu Negeri Perlis (PEMANIS), Tuan Rejab Ismail, Pengarah PKIRM, Datin Paduka Datuk Prof Dr Ramlah Adam dan Pengarah UKR, Izwan Izhar Haris.

Sementara itu, Rejab Ismail atau lebih dikenali dengan nama pena Rejab F.I turut menyampaikan ucaptama di majlis perasmian itu.

Katanya, beliau melahirkan ucapan tahniah di atas usaha UniMAP mengadakan pertandingan itu bagi memartabatkan kesenian dan budaya bangsa kita.

“Sebuah institusi kejuruteraan memberi perhatian serius terhadap kesenian bangsa sekaligus dapat membedung anak-anak bangsa kita mengenali dan menghayati kesenian bangsa ini, “ katanya.

Selain pertandingan dan bengkel tarian, turut diadakan Pertandingan Kebaya Tradisional iaitu pakaian tradisional Perlis yang merupakan pakaian harian nenek moyang di negeri ini pada masa dahulu.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Aininulniza Mohd Yusof**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP